

19 FEBRUARI 2018

Disko ekstasi murah



ANTARA pengunjung disko bawah tanah yang ditahan dalam serbuan polis di Jalan Pahang, semalam.



DISKO EKSTASI MURAH

■ Pusat hiburan bawah tanah dikesan jadi markas remaja dapat bekalan dadah



Safeek Affendy Razali
am@metro.com.my

Kuala Lumpur

Sebuah disko bawah tanah di Jalan Pahang di sini, dikesan menjadi markas golongan remaja 'kaki goyang' mendapatkan bekalan dadah ekstasi dengan mudah.

Pusat hiburan terletak di tingkat bawah sebuah hotel terkemuka itu bagaimanapun diserbu sepasukan anggota Bahagian Sasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Dang Wangi jam 2.30 pagi semalam.

Ketika serbuan dilakukan, kira-kira 73 remaja bertempiran cuba melarikan diri namun berjaya diberkas polis.

Difahamkan kebanyakan remaja itu yang khayal akibat pengaruh dadah sedang leka dibuat alunan muzik kuat.

Hasil pemeriksaan diketuai Ketua Bahagian Sasatan Jenayah Narkotik Daerah Dang Wangi, Deputy Superintendan Selva Kumaran mendapati, 24 pengunjung disko itu positif dadah manakala dua lagi ditahan atas kesalahan memiliki dua pil ekstasi.

Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisyoner

Shaharudin Abdullah berkata, serbuan dilakukan hasil maklumat awam dan risikan dialankan sejak seminggu lalu mengenai aktiviti dadah dalam premis berkenaan dalam kalangan pengunjung terutama membabitkan remaja.

"Ketika serbuan dilakukan, ada lebih 73 pengunjung leka dengan alunan muzik yang dipasang di premis berkenaan dan sebahagian mereka dipercayai khayal kerana mengambil dadah.

"Apabila mereka

menyadari kehadiran polis, pengunjung yang dipercayai terlibat mengambil dadah cuba meloloskan diri namun dapat dikawal empat pegawai dan 15

anggota yang menjalankan serbuan," katanya.

Bellau berkata, pihaknya hanya mencemui dua pil ekstasi manakala sebahagian lagi sudah dicampurkan dalam minuman pengunjung premis berkenaan.

"Semua yang ditahan adalah 14 lelaki dan enam perempuan tempatan serta empat lelaki dan dua wanita warga asing berusia antara 18 hingga 45 tahun kerana positif dadah.

"Mereka direman selama dua hari bermula hari ini (semalam)," katanya ketika dihubungi.

FAKTA

14 lelaki dan enam perempuan tempatan ditahan dalam serbuan